



MAJLIS PERBANDARAN KULIM
NO. 1, LEBUH BANDAR 2, BANDAR PUTRA, 09000 KULIM
KEDAH DARUL AMAN

TEL: 04-4325 225 FAKS: 04-4325 229 PORTAL RASMI: <http://www.mppk.gov.my>

KENYATAAN MENGEMUKAKAN PELAN CADANGAN
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

Majlis Perbandaran Kulim, Kedah (MPKK) membuka tawaran kepada individu / syarikat bagi mengemukakan Pelan Cadangan (*Request for Proposal*) berkaitan Permohonan Sewaan Dan Pembangunan PT 3218, Taman Seraya Indah, Kulim, Kedah Darul Aman. Terma dan syarat bagi pihak-pihak yang berminat untuk mengemukakan Pelan Cadangan (*RFP*) tersebut adalah seperti berikut:

PERKARA	KELAYAKAN
Permohonan Sewaan Dan Pembangunan PT 3218, Taman Seraya Indah, Kulim, Kedah Darul Aman.	<ul style="list-style-type: none">➤ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)➤ Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi Syarikat Pembinaan
Taklimat sewaan tapak dan lawatan tapak akan diadakan pada 7hb Julai 2022 (Khamis), jam 10:30 pagi di Majlis Perbandaran Kulim , Kedah Darul Aman. <i>Koordinat: 5.384784°, 100.545294°</i> [Pendaftaran: 10:00 pagi – 10:30 pagi]	
Harga Dokumen Tender: RM 50.00 senaskah.	
Tarikh Mula Iklan: 3hb Julai 2022 (Ahad).	
Tarikh Tutup Iklan: Jam 12:00 tengahari, 3hb Ogos 2022 (Rabu).	

1. Pihak individu / syarikat adalah dijemput menghadiri taklimat projek dan lawatan tapak sebelum membeli Dokumen Tender *Request for Proposal (RFP)*;

2. Dokumen tender akan dijual mulai 7hb Julai 2022 - 3hb Ogos 2022 dengan bayaran sebanyak RM 50.00 sahaja. Bayaran hendaklah dibuat secara tunai di kaunter atau pindahan atas talian ke akaun **Bank Islam (No. Akaun: 02057010000011)** atas nama "**Majlis Perbandaran Kulim**". Bayaran yang telah diterima tidak akan dikembalikan;
3. Pihak individu / syarikat perlu melampirkan bukti pembayaran atas talian melalui e-mel kepada nurhafizah@mpkk.gov.my. Salinan digital dokumen tender akan diberikan melalui e-mel setelah bukti pembayaran diterima;
4. Konsep pembangunan yang dicadangkan adalah berkonsepkan **makanan dan minuman** sahaja. Pihak MPKK tidak terikat untuk bersetuju dengan mana-mana individu / syarikat atau konsep pembangunan yang dikemukakan. Sebarang keputusan adalah tertakluk kepada kelulusan **MESYUARAT MAJLIS PENUH MAJLIS PERBANDARAN KULIM**.
5. Sebarang kos yang dikeluarkan oleh pihak individu / syarikat dalam penyediaan Pelan Cadangan adalah di bawah tanggungan pihak individu / syarikat sepenuhnya dan pihak MPKK tidak terikat untuk menanggung sebarang perbelanjaan oleh pihak yang mengemukakan Pelan Cadangan (*RFP*);
6. Sila berhubung dengan Tuan Sr. Mohamad Syakir Bin Daman Huri atau Encik Muhammad Haniff Bin Baharom, **Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPKK** di talian **04-4325 225 samb. 361 / 368** atau **019-4191302 / 011-21893478** sekiranya terdapat sebarang pertanyaan;
7. Semua Pelan Cadangan (*RFP*) yang telah dilengkapi hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **jam 12.00 tengahari, 3hb Ogos 2022 (Rabu)** secara serahan tangan dan dimasukkan di dalam sampul surat dengan nombor dokumen tender ditulis di penjurong kiri sebelah atas serta hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Serahan Dokumen Tender, Lobi MPKK seperti alamat berikut:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim
No. 1, Lebuhr Bandar 2
Bandar Putra
09000 Kulim, Kedah Darul Aman

8. Dokumen Pelan Cadangan (*RFP*) yang lewat dikemukakan atau diterima selepas tarikh tutup **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KULIM
KEDAH DARUL AMAN**